JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

# SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

## STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

## BIL 15/2020

**RUJUKAN : 6 APRIL 2020**

@MyCensus2020
@StatsMalaysia
BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020
www.dosm.gov.my
www.mycensus.gov.my

# RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

## 1. PENDAHULUAN

Pemantauan perkembangan mutakhir COVID-19 di Malaysia melibatkan cerapan beberapa statistik utama yang menarik perhatian umum sejak awal Mac. Keprihatinan rakyat dalam mengikuti informasi terkini semakin meningkat apabila kerajaan mengumumkan perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan pada 16 Mac 2020. Bilangan jangkitan positif harian, jumlah kumulatif dan kematian merupakan antara angka yang sering dibicarakan. Namun begitu, terdapat satu cerapan perkongsian penting yang sehingga kini menggambarkan trend peningkatan iaitu bilangan kes sembuh yang dicatatkan dalam frekuensi harian. Pada 1 April 2020, **bilangan kes harian bagi jangkitan yang telah sembuh mencecah angka 100 kes** dan perkembangan terkini statistik harian ini telah **melepasi pertambahan kes jangkitan baharu dengan catatan 236 kes**. Secara keseluruhannya, pada 6 April 2020 kumulatif kes sembuh telah **meningkat kepada 1,241 atau 32.7 peratus** dari jumlah kes positif.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan terdapat **131 kes baharu** telah dicatatkan menjadikan jumlah keseluruhan jangkitan COVID-19 dalam negara **meningkat kepada 3,793 kes daripada sejumlah 55,566 individu** yang terlibat dengan proses saringan. Pertambahan kes baharu ini antaranya adalah menerusi **peningkatan di Johor sebanyak 30 kes** diikuti Selangor (27 kes), WP Kuala Lumpur (18 kes), Sarawak (12 kes) dan Melaka dengan jumlah 10 kes positif. Sementara itu, terdapat pertambahan **1 kes** kematian atau **sejumlah 62 kematian** telah direkodkan sejak wabak ini menular seperti pada Jadual 1.

**Lembah Klang menerajui jumlah kumulatif jangkitan COVID-19** dengan merekodkan **sebanyak 1,651 kes**, meningkat 49 kes disusuli Zon Selatan (806 kes) wilayah Malaysia Timur (525 kes), Zon utara (418 kes), dan Zon Pantai Timur dengan 393 kes. Secara umumnya, **18 daerah** dari seluruh negara telah dikategorikan **sebagai zon merah** dengan **seluruh kawasan di WP Kuala Lumpur** mencatatkan angka jangkitan positif melebihi 41 kes. Di Selangor terdapat 4 daerah yang telah berada dalam kelompok tersebut diikuti Johor meliputi 3 daerah dan Perak sebanyak 2 daerah. Sementara itu, Negeri Sembilan, Kelantan, Pahang, Sarawak dan Sabah masing-masing mempunyai satu daerah yang diisyhtiharkan berada di dalam zon merah sehingga 5 April 2020.

**Di peringkat global, jumlah kes positif COVID-19** telah meningkat kepada **1,272,246** kes dengan **jumlah kematian 69,375**. **Amerika Syarikat** terus menjadi negara yang mencatatkan **bilangan kes tertinggi di dunia** dengan sumbangan 26.5 peratus**,** meningkat 28,222 kes sementara Sepanyol dan Itali masing-masing merekodkan 131,646 dan 128,948 kes. Jerman mencatatkan peningkatan 4,031 kes kepada 100,123 disusuli Perancis yang telah berada dalam kelompok 5 negara teratas dengan 93,773 kes positif. Pada masa yang sama, statistik bilangan **kematian harian tertinggi direkodkan di Amerika Syarikat** dengan catatan **melebihi 1,000 kematian. Itali mendominasi jumlah kumulatif kematian** dengan menyumbang sebanyak **22.9 peratus** manakala **18.2 peratus** direkodkan oleh **Sepanyol**. Kadar kematian peringkat global dicatatkan pada kadar 5.45 peratus manakala kes sembuh meningkat kepada 260,248 seperti pada jadual 2.

Langkah kawalan bagi mengawal penularan COVID-19 yang dilaksanakan oleh kebanyakan negara akan memberi implikasi kepada kesihatan kegiatan ekonomi. Di Malaysia kerajaan komited untuk meneliti masalah aliran tunai aktiviti perniagaan agar mampu bertahan dalam situasi ekonomi yang genting ini. Perusahaan Kecil dan Sederhana PKS merupakan tunjang utama ekonomi negara dengan menyumbang lebih dua pertiga daripada jumlah pekerjaan dan merangkumi lebih 95 peratus dari jumlah pertubuhan atau syarikat. Pada tahun 2018, sumbangan PKS kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah sebanyak 38.3 peratus dan ini memperlihatkan bahawa industri PKS membawa peranan penting dalam menggerakkan ekonomi Malaysia. Kerajaan telah mengumumkan **Langkah Tambahan Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat atau "PRIHATIN TAMBAHAN" pada 6 April 2020.** Pakej tambahan berjumlah RM10 bilion ini dijangka dapat membantu meringankan beban kewangan PKS dan seterusnya menjamin dua pertiga daripada jumlah pekerja di negara ini terus mendapat pekerjaan. Antara langkah-langkah tambahan yang diambil ialah:

1) Menaikkan peruntukan bagi program subsidi upah daripada RM5.9 bilion kepada RM13.8 bilion, iaitu tambahan sebanyak RM7.9 bilion. Di bawah inisiatif tambahan ini, semua syarikat dengan pekerja tempatan yang bergaji RM4,000 dan ke bawah akan menerima bantuan subsidi upah bermula dari RM600 sehingga RM1200 mengikut kumpulan bilangan pekerja sesuatu syarikat. Bantuan ini adalah untuk selama 3 bulan dan dikhususkan kepada majikan yang telah berdaftar dengan SSM atau pihak berkuasa tempatan sebelum 1 Januari 2020 dan mendaftar dengan PERKESO. Justeru, kira-kira 4.8 juta pekerja dijangka akan mendapat manfaat daripada inisiatif ini.

2) Mewujudkan Geran Khas PRIHATIN berjumlah RM2.1 bilion bagi semua syarikat PKS mikro yang berkelayakan. Kerajaan akan menyediakan Geran Khas sebanyak RM3,000 untuk setiap syarikat mikro yang akan memanfaatkan hampir 700,000 PKS mikro di seluruh negara.

3) Memansuhkan kadar faedah 2 peratus kepada 0 peratus untuk Skim Kredit Mikro berjumlah RM500 juta di bawah Bank Simpanan Nasional. Skim pinjaman mudah untuk syarikat mikro ini juga dipanjangkan kepada TEKUN Nasional dengan had maksimum pinjaman sebanyak RM10,000 setiap syarikat pada kadar faedah 0 peratus. Untuk tujuan ini, dana sebanyak RM200 juta akan diperuntukkan.

4) Pengecualian bayaran sewa atau diskaun sewaan untuk peniaga runcit PKS bagi premis yang dimiliki oleh syarikat berkaitan Kerajaan termasuk syarikat Kerajaan Persekutuan seperti MARA, PETRONAS, PNB, PLUS dan UDA serta beberapa syarikat milik Kerajaan Negeri. Pemilik premis swasta yang bekerjasama memberikan kemudahan yang sama akan diberi potongan cukai tambahan bersamaan dengan amaun pengurangan sewa tersebut bagi bulan April 2020 hingga Jun 2020. Potongan cukai tambahan ini diberikan tertakluk kepada syarat pengurangan sewa, iaitu sekurang-kurangnya 30 peratus daripada kadar sewa asal bagi tempoh tersebut.

5) Pengurangan bayaran levi pekerja asing sebanyak 25 peratus kepada semua syarikat dengan permit pekerja yang tamat pada 1 April hingga 31 Disember 2020.

Prospek pertumbuhan ekonomi dikebanyakan negara turut terkesan dengan situasi kejutan ekonomi global ini. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada Public Invest Daily dan beberapa sumber lain memberikan butiran pasaran ekonomi berikut;

**CHINA**: Bank pusat China (PBoC) **mengurangkan nisbah keperluan rizab bank-bank bersaiz kecil dan sederhana sebanyak 100 mata asas**. Langkah tersebut adalah untuk **meningkatkan kecairan dan menyokong ekonomi** yang terkesan dari penularan COVID-19. PBoC akan melaksanakan langkah tersebut dengan menurunkan secara berperingkat, iaitu sebanyak 50 mata asas pada 15 April dan 50 mata asas lagi pada 15 Mei 2020. Dijangkakan, pengurangan tersebut akan **meningkatkan kecairan sebanyak CNY 400 bilion** dalam sistem kewangan China.

**SINGAPURA**: Jualan runcit Singapura terus **menyusut -8.6 peratus** pada Februari 2020 berbanding -5.3 peratus kejatuhan yang dicatatkan pada Januari 2020. Secara perincian, Jualan kenderaan meningkat 1.3 peratus berbanding kejatuhan dua digit, -33.6 peratus pada bulan sebelumnya. Walau bagaimanapun, **Jualan Runcit kecuali Kenderaan turun mendadak -10.2 peratus** berbanding peningkatan marginal 0.6 peratus pada bulan sebelumnya.

**AFRIKA**: Menurut Kesatuan Afrika (AU), 20 juta pekerjaan berisiko terkesan akibat penularan COVID-19. Ekonomi di benua tersebut **diunjurkan bertumbuh lebih rendah pada kadar 0.8 peratus berbanding 3.4 peratus** yang diunjurkan African Development Bank pada awal sebelum penularan

wabak tersebut. Selain itu, dijangka Afrika akan **kehilangan 15 peratus dari pelaburan asing** dan nilai perdagangan akan **menurun 35 peratus dari nilai dagangan pada tahun 2019** iaitu bersamaan dengan USD270 bilion. Kerajaan di Afrika dijangka akan kehilangan antara 20 peratus hingga 30 peratus hasil fiskal. (Reuters)

**JEPUN**: Perdana Menteri Jepun akan mengisytiharkan darurat serta **pakej rangsangan berjumlah USD1 trilion** susulan peningkatan kes jangkitan COVID-19 di negara itu. Nilai pakej rangsangan ini adalah **bersamaan 20 peratus kepada KDNK**. (Malaymail)

## PASARAN SAHAM:

FBM KLCI dibuka lebih tinggi pagi Isnin (6 April 2020), mendapat rangsangan daripada aktiviti belian sederhana dalam saham wajaran tinggi terpilih diterajui Maybank, Genting, PetChem dan TNB. Indeks utama Bursa Malaysia dibuka 1.96 lebih kukuh kepada 1,332.61. Di akhir sesi, pasaran saham ditutup 11.04 mata atau 0.83 peratus lebih tinggi kepada 1,341.69 susulan pengumuman RM10 bilion pakej rangsangan kepada perusahaan kecil & sederhana (PKS). Sebanyak 738 saham untung berbanding 183 rugi, manakala 281 kaunter tidak berubah.

Di rantau Asia, Hang Seng (Hong Kong) meningkat 2.21%, STI (Singapura) meningkat 3.40%, IDX (Indonesia) naik 4.07%, KOSPI (Korea Selatan) meningkat 3.85% dan Nikkei 225 (Jepun) naik 4.24% lebih tinggi.

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1) Kerajaan dan bank pusat telah **menyuntik dana ke pasaran untuk mengurangkan kesan wabak COVID-19** kepada ekonomi, namun **kegawatan ekonomi masih tidak boleh dielakkan**. Ekonomi dunia dijangka akan pulih secara perlahan mulai suku tahun keempat 2020.

2) Di bawah Langkah Tambahan Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), kerajaan telah **memansuhkan kadar faedah 2% kepada 0% untuk Skim Kredit Mikro berjumlah RM500 juta** di bawah Bank Simpanan Nasional. Skim pinjaman mudah untuk syarikat mikro ini juga dipanjangkan kepada TEKUN Nasional dengan **had maksimum pinjaman sebanyak RM10,000 setiap syarikat** pada kadar faedah 0%.

3) **Stok minyak mentah komersial meningkat** hampir 9 kali kepada 13.8 milion tong berbanding 1.6 milion tong sebelum ini. Perkara ini disebabkan oleh **permintaan yang menurun akibat penularan COVID-19.** Situasi ini turut memberi kelebihan kepada syarikat hab penyimpanan minyak seperti Dialog Group Bhd dan MISC Bhd.

4) **Jumlah Volum Industri (TIV) Malaysia dalam sektor automotif dijangka bakal jatuh susulan penularan wabak Covid-19.** Sasaran jualan bagi tahun 2020 menurun sebanyak 6.7% dari 612,000 unit (2019) kepada 560,000 unit.

5) **Caj penghantaran yang kadangkala melebihi 30% daripada kos makanan** yang dihantar membebankan pengusaha restoran dan menyebabkan mereka **terpaksa berhenti daripada menggunakan perkhidmatan e-delivery** untuk menghantar makanan kepada pelanggan.

6) **Kos operasi bagi kumpulan profesional seperti akauntan, peguam** dan lain-lain yang menyediakan perkhidmatan kepada pertubuhan PKS turut terjejas kerana **pembayaran gaji dan upah pekerja adalah kos paling tinggi yang ditanggung oleh syarikat di antara 75 hingga 80 peratus** dari jumlah perbelanjaan.

7) Dewan Perniagaan dan Industri Cina Bersekutu (ACCCIM) **memohon tambahan masa (EOT) terutamanya untuk skim perumahan yang sedang berjalan**, atau pengecualian caj penghantaran lewat.

8) **Syarikat insurans akan mengalami penyusutan dari segi pendapatan** dan juga kutipan bayaran premium daripada pemegang polisi bermula dari tempoh pelaksanaan moratorium iaitu 1 April 2020 sehingga September 2020.

9) **Eksport Malaysia dijangka akan menyusut akibat penularan wabak Covid-19.** Antara faktor lain yang dijangka akan memberi kesan terhadap eksport Malaysia ialah pilihan raya presiden Amerika Syarikat yang akan datang, Perjanjian Hijau Eropah serta perang minyak antara Arab Saudi dan Rusia.

10) **PHB mengumumkan agihan pendapatan interim bagi AHB** untuk tempoh enam bulan yang berakhir pada 31 Mac 2020, membabitkan 500,000 unit pertama yang dipegang oleh pemegang unit.

11) **Pertambahan platform digital, e-bazar akan dibangunkan** sebagai salah **satu alternatif jual beli ketika Ramadhan** bagi membantu peniaga kecil menjual produk mereka.

12) Bayaran **Insentif Pengeluaran Getah (IPG)** akan diaktifkan sekiranya harga purata bulanan SMR 20 FOB **berada di paras RM6.10 sekilogram atau harga di peringkat ladang (*farmgate*) berada di paras RM2.50 sekilogram ke bawah**. Sehubungan itu, bagi bulan Mac IPG telah diaktifkan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak dengan **bayaran Semenanjung: RM 0.55 sekilogram; Sabah: RM 0.90 sekilogram; dan Sarawak: RM 0.70 sekilogram.**

13) Seramai **2,041 pekerja hotel telah diberhentikan** ekoran desakan ekonomi dan pelanjutan tempoh PKP, manakala **seramai 9,773 pekerja diberikan cuti tanpa gaji** dan **5,054 pekerja dipotong gaji** sehingga hujung Mac 2020. Disamping itu, **lebih 190,000 usahawan wanita** yang kebanyakannya terbabit dalam **perniagaan mikro dan sektor perkhidmatan** turut terjejas akibat wabak Covid-19.

14) **Keseluruhan rantaian perniagaan Sektor pertanian** seperti **perkilangan, logistik serta pemasaran** dibenarkan beroperasi ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa seperti **penanaman padi, penangkapan ikan dan pergerakan kenderaan** yang mengangkut hasil pertanian termasuk kebenaran beroperasi **membabitkan aktiviti dan pengeluaran baja.**

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Awani** | **Pakej PRIHATIN Tambahan: Kerajaan umum tambahan RM10 bilion untuk PKS, perusahaan mikro**<br><br>Langkah tambahan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN Tambahan) dirangka bagi memastikan dua pertiga daripada jumlah pekerja di negara ini terus mendapat pekerjaan.<br><br>Kerajaan akan menambah peruntukan bagi program subsidi upah yang diumumkan pada 27 Mac yang lalu, daripada RM5.9 bilion kepada RM13.8 bilion, iaitu tambahan sebanyak RM7.9 bilion.<br><br>Di bawah inisiatif tambahan ini, semua syarikat dengan pekerja tempatan yang bergaji RM4,000 dan ke bawah akan menerima bantuan subsidi upah.<br><br>Bagi majikan yang memilih untuk menerima bantuan ini, mereka disyaratkan untuk mengekalkan pekerja mereka sekurang-kurangnya untuk tempoh 6 bulan, iaitu dalam tempoh 3 bulan semasa menerima subsidi upah dan 3 bulan selepas itu. | http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pakej-prihatin-tambahan-kerajaan-umum-tambahan-rm10-bilion-untuk-pks-perusahaan-mikro-237012 |
| 2. | **Bernama** | **PHB, MAM umum agihan pendapatan interim**<br><br>Pelaburan Hartanah Bhd (PHB) yang merupakan penaja Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) dan Maybank Asset | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1829110 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Management Sdn Bhd (MAM) telah mengumumkan agihan pendapatan interim bagi AHB pada 2.60 sen seunit untuk tempoh enam bulan yang berakhir pada 31 Mac 2020, membabitkan 500,000 unit pertama yang dipegang oleh pemegang unit. Ini termasuk agihan pendapatan asas sebanyak 2.30 sen seunit dan agihan bonus berjumlah 0.30 sen seunit<br><br>Agihan pendapatan ini dijangka memberi manfaat kepada 75,000 pemegang unit Bumiputera serta 14 institusi Bumiputera.<br><br>Agihan pendapatan ini dikecualikan cukai dan akan dikreditkan terus ke dalam akaun bank pemegang unit menjelang 14 April depan. Manakala bagi yang melabur melalui Skim Pelaburan Anggota Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, jumlah tersebut akan dikreditkan ke dalam Akaun 1. | |
| 3. | **The Edge Markets** | **Bursa O&G counters rise despite drop in oil prices**<br><br>Hibiscus Petroleum Bhd was the most active counter on Bursa Malaysia. Hibiscus shares were up 7.78% or 3.5 sen at 48.5 sen, on a trading volume of 175.08 million shares.<br><br>Meanwhile, Sapura Energy Bhd was trading 10.53% or one sen higher at 10.5 sen, giving it a market capitalisation of RM1.6 | https://www.theedgemarkets.com/article/bursa-og-counters-rise-despite-drop-oil-prices |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | billion. The counter saw 142.16 million shares traded.<br><br>At the time of writing, WTI crude prices were down 3.95% or US$1.12 at US$27.22 a barrel. Brent crude was down 2.49% or US$0.85 at US$33.26 a barrel.<br><br>Investors are now trying to find pockets of positive developments and are seeking trading opportunities. | |
| 4. | **The Edge Markets** | **KLCI reverses loss, rises 0.35% as Maybank, Public Bank lift, tracks regional markets higher**<br><br>The FBM KLCI rose 0.35% or 4.66 points to 1,335.31. The index had earlier slipped to a low of 1,324.43.<br><br>Gainers led losers by 434 to 149, while 437 counters traded unchanged. Trading volume was healthy with 2.83 billion shares valued at RM1.13 billion.<br><br>The gainers included Dutch Lady Milk Industries Bhd, Panasonic Manufacturing Malaysia Bhd, Heineken Malaysia Bhd, United Plantations Bhd, Maybank, Public Bank, Malayan Cement Bhd, Petron Malaysia Refining & Marketing Bhd and Manulife Holdings Bhd.<br><br>Oil prices skidded on Monday after Saudi-Russian negotiations to cut output were | https://www.theedgemarkets.com/article/klci-reverses-loss-rises-035-maybank-and-public-bank-lift-tracks-regional-markets-higher |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | delayed, keeping oversupply concerns alive, while stocks jumped as investors were encouraged by a slowdown in coronavirus-related deaths and new cases.<br><br>In currency markets, sterling fell 0.4% early in Asia after British Prime Minister Boris Johnson was admitted to hospital following persistent coronavirus symptoms 10 days after testing positive for the virus. | |
| 5. | **Berita Harian** | **PKP: PNK Terengganu perluas jual ikan dalam talian**<br><br>Selepas Besut dan Dungun, jualan hasil laut menerusi kaedah dalam talian oleh Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) negeri ini dan dihantar terus ke pintu rumah, diperluas ke daerah Kemaman.<br><br>Menyedari potensi besar khidmat penghantaran terus ikan dan hasil laut ke rumah pelanggan serta menyahut seruan kerajaan dalam memastikan bekalan makanan segar sentiasa mencukupi, pihak kami mengambil inisiatif lebih besar dengan pembabitan lebih ramai nelayan di sekitar Kemaman. | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/673186/pkp-pnk-terengganu-perluas-jual-ikan-dalam-talian |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6. | **Berita Harian** | **COVID-19 : e-bazar alternatif jual beli ketika Ramadan**<br><br>Gabungan Persatuan-Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia akan membangunkan platform e-bazar Ramadan kepada ahlinya bagi memberi peluang mereka berniaga secara dalam talian.<br><br>Sebuah laman web akan dibangunkan bagi proses jual beli melalui e-bazar Ramadan itu yang mempunyai rangkaian dengan syarikat logistik. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/672976/covid-19-e-bazar-alternatif-jual-beli-ketika-ramadan |

Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan mengumumkan tambahan dana RM10 bilion, khusus untuk membantu meringankan beban kewangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), serta perusahaan mikro.
2. PHB mengumumkan agihan pendapatan interim bagi AHB untuk tempoh enam bulan yang berakhir pada 31 Mac 2020, membabitkan 500,000 unit pertama yang dipegang oleh pemegang unit.
3. Pertambahan platform digital, e-bazar akan dibangunkan sebagai salah satu alternatif jual beli ketika Ramadhan nanti bagi membantu peniaga kecil menjual produk mereka.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pakej PRIHATIN Tambahan yang bernilai RM 10 bilion ini dapat membantu menyokong perniagaan PKS dan perusahaan mikro yang terjejas dan memperkukuh ekonomi negara.
2. Pemasaran produk melalui platform digital yang bakal diwujudkan dan diaktifkan oleh individu yang bekerja dari rumah dijangka akan meningkatkan sumbangan e-dagang serta meransangkan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Pada tahun 2018, e-dagang telah menyumbang sebanyak 8.0 peratus kepada KDNK.

| B. | Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **The Malaysian Reserve** | **Delivery services see growth in purchases of essential items during MCO**<br><br>Grab Malaysia is offering 20% savings on essential items to encourage more people to do online purchasing.<br><br>Users can shop for their essentials from grocery stores and pharmacies like Aeon Big, Tesco, Cold Storage, KK Mart, Giant, Mydin and Watsons by paying with GrabPay. | https://themalaysianreserve.com/2020/04/06/delivery-services-see-growth-in-purchases-of-essential-items-during-mco/ |
| | **B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan** | | |
| 2. | **Borneo Post Online** | **Association: School bus operators badly affected by MCO**<br><br>The Miri City School Buses Association is feeling the pinch following the closure of schools due to the Movement Control Order (MCO) to control the spread of Covid-19. The school bus operators feel that life is hard as they earned almost zero income for the month of March and April 2020. | https://www.theborneopost.com/2020/04/06/association-school-bus-operators-badly-affected-by-mco/ |
| | **C. Subsektor Makanan & Minuman** | | |
| 3. | **The Sun Daily** | **Eatery owners say fees charged by services providers unaffordable**<br><br>High delivery charges have forced several café and restaurant owners to stop using e-delivery | https://www.thesundaily.my/home/eatery-owners-say-fees-charged-by-service-providers-unaffordable-AF2214345 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | services to send food to customers. Restaurant owner said the charges sometimes exceeded 30% of the cost of the food they delivered. | |
| 4. | **Berita Harian** | **Bungkusit tawar komisen sifar bantu PKS pamer produk**<br><br>Bungkusit, penyedia perkhidmatan penghantaran yang berpangkalan di Selangor menawarkan kadar komisen sifar peratus kepada peniaga dalam usahanya untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mempamerkan produk mereka di seluruh negara.<br><br>Bungkusit juga menawarkan perkhidmatan pembayaran tunai semasa serahan (COD) dengan jarak penghantaran sejauh 500 kilometer dan membantu perkhidmatan penghantaran kesemua peringkat pengguna. Selain itu, ia memiliki 27,000 penghantar, mempunyai lebih 3,000 peniaga serta 700,000 pelanggan berdaftar. | https://www.bharian.com.my/bisnes/usahawan/2020/04/673621/bungkusit-tawar-komisen-sifar-bantu-pks-pamer-produk |
| | **D. Subsektor Kesihatan Swasta** | | |
| 5. | **Harian Metro** | **MSUMC sedia ujian pandu lalu Covid-19**<br><br>PUSAT Perubatan MSU (MSUMC) mengambil inisiatif melancarkan Ujian Pandu Lalu Covid-19 kepada orang ramai bagi membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan jangkitan itu. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/563241/msumc-sedia-ujian-pandu-lalu-covid-19 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Ujian berkenaan dilakukan setiap hari kecuali hari Ahad dan orang ramai boleh mendapatkan perkhidmatan ini sama ada secara temujanji atau menghadirkan diri ke stesen ujian di MSUMC. | |
| | **E. Subsektor Profesional** | | |
| 6. | **The Sun Daily** | **Professionals also need help**<br><br>Accountants, lawyers and others who provide essential services to SMEs are equally vulnerable to the negative impact of the current crisis.<br><br>Accountants and lawyers would suffer if the SMEs could not pay for their services. | https://www.thesundaily.my/home/professionals-also-need-help-AF2214266 |
| | **F. Subsektor Kewangan** | | |
| 7. | **The Star** | **Tough year for insurance companies- Allianz Malaysia Bhd**<br><br>Insurers are in for a tough year as the Covid-19 pandemic may dampen earnings and premium growth.<br><br>As for the general insurance industry, the impact will mainly be seen in travel policies as people are reluctant to make plans in view of travel restrictions.<br><br>Motor insurance is a significant segment of Allianz Malaysia's general business and makes up 62.6% of its portfolio. The motor insurance business contributed RM1.38bil to the company's | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/06/tough-year-for-insurance-companies |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | gross written premium (GWP) last year while the remaining RM821.4mil was from the non-motor business comprising property, health, personal accident, liability and marine. However, Covid-19 pandemic will trigger much more concern and an opportunity to boost healthcare policy sales. | |
| | **G. Subsektor Hartanah** | | |
| 8. | **The Star** | **Industrial property sub-sector seen as resilient**<br><br>The industrial sub-sector will likely see the quickest recovery once businesses start to pick up again. These sector remained stable compared with a lot of other sub-sectors is because there is virtually no speculators within the industrial sector. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/06/industrial-property-sub-sector-seen-as-resilient |

Penemuan penting & isu:

1. Peningkatan subsektor perkhidmatan penghantaran melalui pembelian secara atas talian meningkat sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Antara perkhidmatan yang ditawarkan adalah seperti grab player, stay home essential dan banyak lagi.
2. Pendapatan pengusaha bas sekolah terjejas dan menyebabkan hampir tiada pendapatan sepanjang bulan Mac dan April 2020 berikutan penutupan sekolah susulan PKP.
3. Caj penghantaran yang kadangkala melebihi 30% daripada kos makanan yang dihantar membebankan pengusaha restoran dan menyebabkan mereka terpaksa berhenti daripada menggunakan perkhidmatan e-delivery untuk menghantar makanan kepada pelanggan.
4. Bungkusit menawarkan kadar komisen sifar peratus kepada peniaga serta menawarkan perkhidmatan pembayaran tunai semasa serahan (COD) dengan jarak penghantaran sejauh 500 kilometer.
5. Kos operasi bagi kumpulan profesional seperti akauntan, peguam dan lain-lain yang menyediakan perkhidmatan kepada pertubuhan PKS turut terjejas kerana pembayaran gaji dan upah pekerja adalah kos paling tinggi yang ditanggung oleh syarikat di antara 75 hingga 80 peratus dari jumlah perbelanjaan.

6. Syarikat insurans akan mengalami penyusutan dari segi pendapatan dan juga kutipan bayaran premium daripada pemegang polisi bermula dari tempoh pelaksanaan moratorium iaitu 1 April 2020 sehingga September 2020.
7. Pihak pemaju hartanah memohon pengecualian caj lewat akibat daripada pelanjutan tempoh PKP yang menyebabkan kerja-kerja pembinaan ditangguhkan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Perkhidmatan penghantaran dan jualan secara atas talian dijangka semakin mendapat permintaan dalam tempoh PKP.
2. Kesan PKP akan memberikan penurunan hasil kepada semua persatuan, pengusaha dan syarikat bas sekolah di seluruh negara terutama pada bulan Mac 2020. Ini akan memberikan kesan yang ketara kepada perkhidmatan bas sekolah (MSIC 49223).
3. Dijangkakan perkhidmatan profesional terutama firma guaman dan perakauan akan mencatatkan penurunan hasil kerana bayaran perkhidmatan yang telah diberikan tidak mampu dibayar terutamanya daripada pertubuhan PKS.

| **C.** | **Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Malaysian Reserve** | **Malaysia's exports to shrink as virus hits demand**<br><br>Malaysian manufacturing exports are likely to slump as businesses are reluctant to commit to orders in an uncertain environment caused by the Covid-19 pandemic.<br><br>Exports are forecast to grow by 0.6% year-on-year (YoY) in 2020 after contracting by 1.7% in 2019.<br><br>There are several factors that will also affect Malaysia's exports, including the upcoming US presidential election, Green Deal by the European Union, Saudi-Russia oil war and Malaysia-India spat. | https://themalaysianreserve.com/2020/04/06/malaysias-exports-to-shrink-as-virus-hits-demand/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | As threat to foreign trade has increased even more with the pandemic spreading rapidly to Europe and the US, the Movement Control Order in Malaysia and many key countries will have a negative knock-on effect to export-import activities. | |
| 2. | **Market Access Map, International Trade Centre (ITC)** | **COVID-19 Temporary Trade Measures**<br><br>Daily update of COVID-19 trade measures:<br><br>Cambodia suspends exports of rice and some fish products. (Effective on 05/04/2020)<br><br>Myanmar is temporarily suspending the issuance of rice export permits. (Effective on 03/04/2020)<br><br>Argentina temporary eliminates import tariffs on certain medical supply products. (Effective on 03/04/2020)<br><br>United States of America issued an executive order to preserve respirators, surgical masks and gloves for domestic use. (03/04/2020) | https://www.macmap.org/en/covid19 |

Penemuan penting & isu:

1. Eksport Malaysia dijangka akan menyusut akibat penularan wabak Covid-19. MIDF Research menjangkakan eksport Malaysia pada tahun 2020 akan merekodkan peningkatan 0.6% tahun ke tahun selepas menguncup sebanyak 1.7% pada tahun 2019. Antara faktor lain yang dijangka akan memberi kesan terhadap eksport Malaysia ialah pilihan raya presiden Amerika Syarikat yang akan datang, Perjanjian Hijau Eropah, perang minyak antara Arab Saudi dan Rusia dan konflik perdagangan antara Malaysia dan India.

2. Kemboja menangguhkan eksport beras dan beberapa produk ikan. Myanmar menangguhkan sementara pengeluaran permit eksport beras. Argentina menghapuskan sementara tarif import ke atas produk perubatan tertentu. Amerika Syarikat mengeluarkan perintah eksekutif untuk memastikan mesin pernafasan, topeng pembedahan dan sarung tangan adalah mencukupi untuk kegunaan domestik.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pada Februari 2020, eksport mengembang 11.8% kepada RM74.5 bilion tahun ke tahun. Berasaskan bulan ke bulan, eksport menurun RM9.7 bilion (-11.5%) daripada RM84.1 bilion. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan bermula 18 Mac 2020 sehingga 14 April 2020 dijangka akan mempengaruhi import eksport di Malaysia memandangkan kilang yang bukan dikategorikan dalam sektor penting dan kritikal tidak dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP.
2. Nilai eksport minyak mentah (HS 2709) pada tahun 2019 bernilai RM29.1 bilion. Tiga destinasi utama eksport Malaysia ialah Australia (RM7.2 bilion, 24.8%), India (RM6.6 bilion, 22.7%) dan Thailand (RM5.8 bilion, 20.0%). Manakala import minyak mentah bernilai RM26.8 bilion. Antara sumber utama import ialah Arab Saudi (RM9.3 bilion, 34.8%), Emiriah Arab Bersatu (RM4.3 bilion, 15.9%) dan Venezuela (RM2.5 bilion, 9.5%). Kejatuhan harga minyak dunia dijangka akan memberi kesan kepada eksport dan import bagi produk di bawah SITC 3 iaitu bahan api galian, pelincir dan lain-lain.
3. Terdapat beberapa negara yang telah mengambil langkah seperti melarang eksport atau menghapuskan tarif import terhadap peralatan perubatan dan peralatan perlindungan diri untuk memastikan keperluan domestik mencukupi ketika penularan wabak Covid-19.
4. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.

| **D.** | **Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Star** | **Developers seek extension of time**<br><br>Property developers are seeking an extension of time (EOT) from the government to complete their properties as a result of the movement control order (MCO), failing which they will have to pay buyers late | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/06/developers-seek-extension-of-time |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | delivery charges, among others. | |
| 2. | **The Star** | **Malaysia too needs a Covid-19 Bill**<br><br>MALAYSIA should enact a law similar to the one proposed by the Singapore government to offer temporary relief to businesses, in particular SMEs and individuals who are unable to perform their contractual obligations because of the movement control order (MCO) brought about by the Covid-19 pandemic. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/06/malaysia-too-need-a-covid-19-bill |
| 3. | **Free Malaysia Today** | **Putrajaya to revoke beer company's MCO exemption as minister not informed**<br><br>Putrajaya is set to revoke its controversial approval exempting alcohol beverage manufacturer Heineken from suspending its operations under the movement control order (MCO). | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/04/06/putrajaya-to-revoke-beer-companys-mco-exemption-as-minister-not-informed/ |
| 4. | **The Edge Markets** | **Which stocks might be dropped off from KLCI list after the rout?**<br><br>The severe equity rout has pulled many big-capitalised stocks down to multi-year lows, and in turn their rankings among their peers.<br><br>Based on FTSE Russell's rules, a stock would be added as a component of the KLCI if its market capitalisation (cap) rises to 25th place or above, while one will be removed from the index if it falls to 36th position and below. | https://www.theedgemarkets.com/article/which-stocks-might-be-dropped-klci-list-after-rout |

| |
|---|
| Penemuan penting & isu:<br>1. Dewan Perniagaan dan Industri Cina Bersekutu (ACCCIM) memohon EOT terutamanya untuk skim perumahan yang sedang berjalan, atau pengecualian caj penghantaran lewat.<br>2. Pada 1 April, Kementerian Undang-undang Singapura mengumum memperkenalkan Rang Undang-undang Covid-19 (Langkah Sementara) bagi menawarkan bantuan sementara kepada perniagaan.<br>3. YTD-Harga saham Top Glove meningkat 36%, Hartalega telah meningkat 24% dan Press Metal Aluminum Holdings Bhd merosot 31%. |
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Pemantauan berterusan projek-projek kediaman yang sedang berjalan dalam survei pembinaan suku tahunan.<br>2. Bahagian akan melakukan penyenaraian dan semakan syarikat-syarikat yang beroperasi sepanjang PKP.<br>3. Semakan dan pemantauan pertubuhan yang mempunyai prestasi peningkatan dan penurunan yang ketara dalam Bursa saham. |

| **E.** | **Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Bernama** | **FDI policy reforms needed to ride out COVID-19 impact - DON**<br><br>Malaysia must undertake bold structural and sectoral reforms in its Foreign Direct Investment (FDI) policy to ride out the COVID-19 shock. The investment priority sectors must include areas that could assist Malaysia to overcome any potential economic and health care problems and promote emergency preparedness and food security in the future. The COVID-19 pandemic will cut FDI around the world by about 40 per cent, and Malaysia, one of the countries in the region which relies on FDI, will be adversely affected. Malaysia should undertake structural and sectoral reforms, adopt new frontier technologies, and promote access to finance, food | https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1828985 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | security, international collaboration and signalling. | |
| 2. | **The Star** | **Impact from lockdowns to get more severe**<br><br>According to Socio Economic Research Centre, despite the trillions of dollars pumped in, governments and central banks can soften the blow of the economic damage and financial fallout, but they may not be able to avoid an outright recession. In the last financial crisis, a slow pick-up in lending growth in the United States was a key reason for the sluggish recovery, despite massive liquidity injections by the Federal Reserve. A "deep global recession" with world economic activity declining by 1.9% in 2020, is Fitch Ratings' baseline forecast. The United States, which will likely face the "deepest recession on record" at nearly five times more severe than the post-war average, could see as many as 20 million jobs lost, with the unemployment rate running up to 15.6% from the current 3.5%. The global economy may gradually recover in the fourth quarter of 2020. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/06/impact-from-lockdowns-to-get-more-severe |
| 3. | **Berita Harian** | **Pelabur asing kurangkan penjualan saham tempatan** | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/673508/pelabur-asing-kurangkan-penjualan-saham-tempatan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Menurut MIDF Amanah Investment Bank Bhd Research pelabur asing menunjukkan pengurangan penjualan saham tempatan. Perbandingan telah dibuat antara enam negara Asia lain yang dipantau firma penyelidikan itu, Malaysia kekal sebagai negara dengan aliran keluar bersih ketiga terkecil setakat ini. Minat pelabur merosot susulan data aktiviti pengilangan Asia termasuk Malaysia menunjukkan kelembapan pada bulan lalu. | |
| 4. | **The Edge** | **Dialog, MISC seen to benefit as storage becomes issue amid oil glut**<br><br>US Energy Information Administration (EIA) reported that commercial crude oil inventories jumped almost nine times to a build of 13.8 million barrels compared to a surplus of 1.6 million barrels in the previous week. This comes as human movements are limited to an unprecedented level due to the Covid-19 pandemic. S&P Global Platts estimate worldwide storage capacity at 1.4 billion barrels, including 400 million of floating storage. Dialog Group Bhd currently anchors its footing in building a major oil storage hub in Pengerang is seen to benefit slightly. For MISC Bhd, whose petroleum tanker segment contributes 48% of its overall revenue, could rise in tandem with spot tanker rates but by a smaller magnitude. | https://www.theedgemarkets.com/article/dialog-misc-seen-benefit-storage-becomes-issue-amid-oil-glut |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5. | **The Edge** | **M'sia automotive TIV to be adversely impacted by economic headwinds from Covid-19 — MAA**<br><br>Malaysia's total industry volume (TIV) for the automotive sector is expected to be adversely impacted by the economic impact brought on by the Covid-19 pandemic. On April 2, Kenanga Research stated that it would be cutting its 2020 sales target by 6.7% to 560,000 units, from 612,000 units previously in 2019. | https://www.theedgemarkets.com/article/msia-automotive-tiv-be-adversely-impacted-economic-headwinds-covid19-%E2%80%94-maa |
| 6. | **The Star** | **For now, Malaysians in Singapore not allowed to return, says Ismail Sabri**<br><br>The Malaysia-Singapore joint working group on Covid-19 will discuss the changes to conditions before allowing Malaysians working in Singapore to return home. Currently, they are not allowed to return to Malaysia until the changes is final. According to existing agreement, Malaysians who work in Singapore and want to return home must be tested for Covid-19 in the republic. Singapore Prime Minister on April 3, 2020 announced significantly stricter measures to address the Covid-19 pandemic in the country, with most workplaces closed from April 7, except for key economic sectors and essential services. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/06/for-now-malaysians-in-singapore-not-allowed-to-return-says-ismail-sabri |

Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan perlu mengambil inisiatif yang lebih agresif untuk mengekalkan aliran masuk pelaburan asing dengan menjalankan polisi-polisi pelaburan yang menarik.

2. Walaupun kerajaan dan bank pusat telah menyuntik dana ke pasaran untuk mengurangkan kesan wabak COVID-19 kepada ekonomi, tapi kegawatan ekonomi masih tidak boleh dielakkan. Ekonomi dunia dijangka akan pulih secara perlahan mulai pada suku tahun keempat, 2020.
3. Menurut MIDF Amanah Investment Bank Bhd Research pelabur asing menunjukkan pengurangan penjualan saham tempatan. Ahli ekonomi MIDF Research, Adam M Rahim, berkata sebagai perbandingan dengan enam negara rakan Asia lain yang dipantau firma penyelidikan itu, Malaysia kekal sebagai negara dengan aliran keluar bersih ketiga terkecil setakat ini.
4. Stok minyak mentah komersial meningkat hampir 9 kali kepada 13.8 milion tong berbanding 1.6 milion tong sebelum ini. Perkara ini disebabkan oleh permintaan yang menurun akibat penularan COVID-19. Situasi ini turut memberi kelebihan kepada syarikat hab penyimpanan minyak seperti Dialog Group Bhd dan MISC Bhd.
5. Jumlah Volum Industri (TIV) Malaysia dalam sektor automotif dijangka bakal jatuh susulan penularan wabak Covid-19. Target jualan bagi tahun 2020 menurun sebanyak 6.7% dari 612,000 unit (2019) kepada 560,000 unit.
6. Malaysia dan Singapura bakal berbincang mengenai prosedur pekerja Malaysia di Singapura yang ingin pulang ke tanah air. Rakyat Malaysia yang berada di negara jiran tersebut pada ketika ini tidak dibenarkan pulang sehingga perbincangan disepakati.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kerajaan harus mengambil tindakan yang sewajar untuk mengurangkan aliran keluar dana asing dari pasaran Malaysia. FDI di Malaysia telah mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM32.8 bilion pada tahun 2019.
2. Kemerosotan ekonomi akan dilihat di banyak negara pada tahun ini walaupun kerajaan dan bank pusat telah mengambil inisiatif untuk menstabilkan pasaran. Kesan kegawatan ekonomi ini akan dilihat impaknya dalam penyusunan statistik Imbangan Pembayaran.
3. Peningkatan dalam stok minyak mentah komersial dan kejatuhan dalam Jumlah Volum Industri (TIV) Malaysia dalam sektor automotif akibat pandemik COVID-19 bakal mempengaruhi Akaun Semasa. Pada tahun 2019, eksport perkhidmatan ini telah merekodkan sebanyak RM169.4 bilion.
